




DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 2/2020

**PENGECCUALIAN CUKAI PERKHIDMATAN KE ATAS PENGIMPORAN
PERKHIDMATAN BERCUKAI**

1. Berkuatkuasa mulai **1 Januari 2020**, orang berdaftar diberi **pengecualian oleh Menteri dari mengakaunkan dan membayar cukai perkhidmatan** berdasarkan kaedah *self-recipient accounting* ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai.
2. Pengecualian adalah tertakluk kepada perkara berikut:
 - 2.1. Pengecualian hanya diberi kepada orang berdaftar yang memenuhi syarat-syarat berikut:
 - (a) **Orang berdaftar** di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan mengakaunkan cukai melalui borang SST-02;
 - (b) Menyedia **perkhidmatan yang sama** sepertimana perkhidmatan yang diimport;
 - (c) Perkhidmatan yang diimport adalah untuk **tujuan penerusan perniagaan** dan bukan untuk tujuan kegunaan sendiri; dan
 - (d) Telah **membayar amaun yang kena dibayar** atas perkhidmatan yang diimport berkenaan kepada pemberi perkhidmatan.
 - 2.2. Perkhidmatan bercukai diimport yang layak mendapat pengecualian adalah:
 - (a) **Perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan G**, Jadual Pertama, Ruang (2), Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 [(tidak termasuk butiran (j) dan butiran (k)); dan
 - (b) **Perkhidmatan pengiklanan** di bawah Butiran 8, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
 - 2.3. Perkhidmatan bercukai diimport yang diperoleh **mulai 1 Januari 2020**.
 - 2.4. Perkhidmatan Digital diimport yang diperoleh dari orang berdaftar asing **tidak layak** mendapat pengecualian dibawah mekanisma ini.


3. Layanan cukai perkhidmatan dalam **tempoh peralihan** adalah seperti berikut:

3.1. Jika cukai perkhidmatan menjadi genap masa disebabkan invois telah diterima atau bayaran telah dibuat sebelum 1 Januari 2020 ke atas perkhidmatan bercukai diimport yang akan diperoleh pada atau selepas 1 Januari 2020:




Ilustrasi 3.1

- (a) Sekiranya cukai perkhidmatan telah diakaun dan dibayar dalam tempoh bercukai pada tahun 2019 oleh orang berdaftar, **tiada tuntutan** pembayaran balik cukai perkhidmatan dibenarkan.
 - (b) Sekiranya cukai perkhidmatan belum diakaun dan dibayar, orang berdaftar tidak perlu mengakaunkan dan membayar cukai perkhidmatan.
- 3.2. Sekiranya pengimportan perkhidmatan bercukai diperoleh bagi **tempoh sebelum 1 Januari 2020 dan berterusan menjangkau 1 Januari 2020**, orang berdaftar perlu mengakaun dan membayar cukai perkhidmatan ke atas pengimportan perkhidmatan bercukai bagi **tempoh sebelum 1 Januari 2020 sahaja**. Apabila cukai menjadi genap masa, orang berdaftar boleh membuat pengiraan cukai secara *pro-rate* untuk penentuan amaun cukai perkhidmatan yang kena dibayar.



Ilustrasi 3.2

- 3.3. Sekiranya cukai menjadi genap masa selepas 1 Januari 2020 untuk perkhidmatan bercukai diimport sebelum 1 Januari 2020, orang berdaftar masih perlu mengakaun cukai perkhidmatan diimport berkenaan berdasarkan kaedah *self-recipient accounting* untuk tempoh bercukai dimana cukai kena dibayar.



Ilustrasi 3.3

4. Nilai cukai perkhidmatan bercukai diimport yang dikecualikan **tidak perlu** diikrar dalam butiran 18(c) penyata SST-02.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA